

TEKS UCAPAN ALUAN
Y. BHG. PROF. DATUK WIRA DR. RAHA ABDUL RAHIM
NAIB CANSOLOR UTeM

ANUGERAH AKADEMIK UNIVERSITI 2019

25 September 2020, 3.00 pm, Auditorium Canselori

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih kepada Pengacara Majlis

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zulkifilie bin Ibrahim

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Nurulfajar bin Abd Manap

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Penolong-Penolong Naib Canselor, Pegawai-Pegawai Kanan Universiti, para penerima Anugerah Akademik Universiti 2019,

Hadirin hadirat yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan inayahNya, dapat kita bersama-sama menjayakan Majlis Anugerah Akademik Universiti 2019 pada petang ini.

2. Walaupun majlis pada kali ini dianjurkan secara sederhana, dengan pendekatan dan kaedah yang agak berbeza, namun saya yakin, entusiasisme AAU ini masih kekal sama seperti tahun-tahun sebelum ini.

3. Bagi pihak Universiti, saya merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Majlis Anugerah Akademik 2019, khususnya kepada Panel Penilai Anugerah Akademik Universiti di peringkat Universiti, Panel Penilai Teknikal, dan Jawatankuasa Pelaksana Majlis, yang telah bertungkus-lumus memastikan perjalanan majlis

penganugerahan ini lancar sepertimana yang dirancang dan dihasratkan oleh pihak Universiti.

4. Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua penerima anugerah yang akan diumumkan sebentar lagi. Semoga anugerah yang diterima pada hari ini, akan menggalakkan lagi keserjanaan di kalangan ahli akademik UTeM, dan seterusnya meningkatkan lagi motivasi diri untuk terus cemerlang, gemilang, dan terbilang pada masa akan datang.

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

5. Anugerah Akademik Universiti Teknikal Malaysia Melaka yang bermula sejak tahun 2009 merupakan program kemuncak yang mengiktiraf pencapaian dan sumbangan ahli akademik UTeM di dalam pelbagai bidang, bukan sahaja dalam akademik dan penyelidikan semata-mata, malah turut meliputi sumbangan terhadap pembangunan masyarakat dan negara.

6. Ahli akademik merupakan golongan ilmuan terpenting yang bukan sahaja berperanan sebagai murabbi kepada diri sendiri dan siswa, namun turut menggalas tanggungjawab dalam menyuburkan ilmu dan kepakaran yang mampu menyumbang kepada kelestarian pembangunan global masa kini.
7. Bagi menzahirkan tuntutan ini, ahli akademik hendaklah senantiasa bersedia memperkasakan keupayaan diri, meningkatkan daya kompetensi diri menerusi penerokaan ilmu-ilmu baharu dan mengamalkan budaya inovasi dan kreativiti dalam melaksanakan amanah yang diberi.

8. Saya amat yakin, UTeM sebagai sebuah universiti teknikal, mempunyai potensi yang amat besar untuk menggungguli bidang pendidikan tinggi teknikal atau TVET, disamping menjadi hub rujukan utama bagi kesejahteraan masyarakat, dan pembangunan industri serta negara.

9. Hal ini kerana, saya dapat merasakan, setiap daripada warga Universiti ini, terutamanya dari kalangan ahli akademik sendiri, memiliki kekuatan dan kepakaran yang mampu melonjakkan lagi kegemilangan UTeM ke aras yang lebih terbilang.

10. Bagi merealisasikan hasrat murni ini, kita semua hendaklah berganding bahu dan melunaskan tanggungjawab yang telah diamanahkan sehabis baik, dan bergerak sebagai satu suara, satu pasukan, #TeamUTeM bagi memperkasakan lagi momentum kecemerlangan yang telah diraih selama ini. Bak kata pepatah melayu, bersatu kita teguh, bercerai kita roboh.

11. Di kesempatan ini, saya ingin menyeru kepada semua ahli akademik UTeM, supaya sentiasa menjaga nama baik dan integriti Universiti. Teruskan usaha untuk meletakkan nama UTeM di persada yang lebih membanggakan diperingkat nasional mahupun antarabangsa.

Hadirin dan hadirat sekalian,

12. Di sebalik kejayaan yang telah diraih selama ini, ingin saya berpesan, agar kita semua tidak mudah rasa selesa dengan apa yang telah dimiliki. Perjalanan untuk mencapai visi dan misi universiti ini masih jauh dan pastinya pelbagai cabaran yang perlu diharungi secara bersama.

13. Sepertimana yang selalu saya kongsi sebelum ini, hasrat universiti ini adalah untuk melahirkan lebih ramai ilmuan teknologi ataupun technology scholars yang berupaya menjadi

penyumbang solusi atau solution providers yang dapat melengkapi ekosistem akademik, industri dan masyarakat, yang akhirnya dapat menyumbang kepada pembangunan negara kita.

14. Selain itu, sasaran Universiti dalam merealisasikan agenda Seven Strategic Goals 2021 - 2025, pencapaian yang lebih cemerlang dalam MyRA, SETARA, QS Ranking dan Times Higher Education, di samping pengukuhan aspek pengurusan dan pengoperasian Universiti yang lebih cekap dan efisien, memerlukan penglibatan yang lebih inklusif dari semua warga Universiti.

15. Insha Allah, dengan usaha bersepadu dari semua pihak, saya yakin, segala apa yang diaspirasikan ini mampu beroleh kejayaan, dengan syarat kita semua perlulah bertindak sekarang dengan mentransformasikan kredibiliti diri ke tahap yang lebih baik.

“Great Achievements Begin With Small Steps. Continuously dripping water eventually penetrates a larger stone”

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

16. Saya percaya, penerima anugerah bagi setiap kategori yang bakal diumumkan selepas ini adalah mereka yang telah menyumbang dan menunjukkan prestasi cemerlang dalam bidang masing-masing. Pastinya, Jawatankuasa Penilai, telah mengambil kira pelbagai aspek semasa membuat penilaian dan bertindak secara rasional dalam proses pemilihan supaya pemenang-pemenang setiap kategori adalah terdiri daripada mereka yang benar-benar terbaik daripada kalangan yang terbaik.

17. Setiap pemenang dan calon yang telah memasuki saringan akhir di peringkat universiti akan menerima insentif mengikut jumlah yang telah diperuntukkan. Namun, ingin saya tekankan di sini, bukanlah nilai anugerah yang diukur, tetapi sejauh mana komitmen dan sumbangan yang diberikan oleh warga akademik UTeM dalam membantu mengembangkan kesarjanaan ilmu di universiti ini, juga meningkatkan reputasi universiti kita di peringkat nasional dan antarabangsa.

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

18. Sebelum akhiri ucapan, saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua warga universiti khususnya ahli akademik yang telah memainkan peranan penting dan memberikan sumbangan terbaik dalam aspek akademik, penyelidikan, pembangunan bakat insan yang cemerlang dan lain-lain lagi.

19. Saya juga berharap agar penerima Anugerah Akademik Universiti yang bakal diumumkan sebentar lagi akan terus menjadi inspirasi, pendorong, penggerak dan pemangkin kecemerlangan kepada ahli akademik lain dalam mencipta lebih banyak kejayaan di masa hadapan.

Sehari suntuk membanting keringat,
Bersandar sebentar di pohon berangan,
Anugerah akademik pembakar semangat,
Teruskan perjuangan, mencipta kecemerlangan.

Sekian, *wabilahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.*